

BAB
PERTAMA

BAB PERTAMA

PENGENALAN SURAH AL-AḤZĀB

Pendahuluan

Surah ini merupakan surah yang ke 33 di dalam tertib susunan *Muṣḥaf*^o *Uthmānī* dan berada di dalam juz yang ke 21. Surah sebelumnya ialah Surah al-Sajdah manakala selepasnya pula ialah Surah Sabā'. Para ulama' seluruhnya sepakat mengatakan surah ini adalah surah *madaniyyah* dan mengandungi 73 ayat sahaja¹.

Secara umumnya, surah ini menceritakan perihal golongan munafik yang menyakiti Rasulullah s.a.w. dan kaum muslimin khususnya dalam peperangan al-Aḥzāb/Khandaq yang berlaku pada tahun enam hijrah. Selain itu, surah ini juga sarat dengan pelbagai panduan, peraturan, hukum, adab, kisah dan sebagainya.

Menurut riwayat, Surah al-Aḥzāb ini telah mengalami perubahan dari segi bilangan ayatnya. Imam Aḥmad telah meriwayatkan daripada °Aṣim ibn Bahdalah bahawa Zirrīn r.a. telah berkata²,

Maksudnya : Ubay bin Ka°ab r.a. telah bertanya kepadaku, "Berapakah bilangan ayat Surah al-Aḥzāb?". Aku menjawab, "73 ayat semuanya". Ubay menjawab, "Itu sahajakah? Aku

¹ Muḥammad bin Aḥmad al-Anṣārī al-Qurṭubī, selepas ini disebut al-Qurṭubī (m. 671H) (1419H), Shaykh °Irfān al-'Ishshā (edit), *al-Jāmi' Li Ahkām al-Qur'an*, j. 7, juz. 14, Beirut : Dār al-Fikr, h. 106 ; Aḥmad ibn Muḥammad al-Mālikī al-Ṣāwī, selepas ini disebut al-Ṣāwī (m. 1241H) (1414H), Sidqī Muḥammad Jamīl (edit), *Ḥāshiyah al-Ṣāwī °Alā Tafsīr al-Jalālayn*, j. 3, Beirut : Dār al-Fikr, h. 328 ; lihat juga Sulaymān ibn °Umar al-°Ujaylī, selepas ini disebut al-Jamal (m. 1204H) (t.t), *al-Futūḥāt al-Ilāhiyyah Bi Tawḍīḥ Tafsīr al-Jalālayn Li al-Daqā'iq al-Khaṣṣiyah*, juz. 3, Beirut : Dār al-Fikr, h. 421

² Lihat dalam Ismā'īl ibn Kathīr, selepas ini disebut Ibn Kathīr (m. 774H) (t.t), *Tafsīr al-Qur'an al-'Azīm*, juz. 3, Kaherah : al-Maktabah al-Qimāh, h. 437 ; Maḥmūd ibn °Umar al-Zamaksharī, selepas ini disebut al-Zamaksharī (m. 538H) (t.t A), *al-Kashshāf °An Ḥaqā'iq al-Tanzīl Wa °Uyūn al-Aqāwīl Fī Wujūh al-Ta'wīl*, juz. 3, Beirut : Dār al-Ma'rīfah, h. 225 ; lihat juga °Abd Allāh bin Aḥmad al-Nasafī, selepas ini disebut al-Nasafī (m. 701H) (1408H), Ibrāhīm Muḥammad Ramaḍān (edit), *Tafsīr al-Nasafī*, j. 3, Beirut : Dār al-Qalam, h. 1357

pernah melihat surah ini dalam keadaan jumlah ayatnya menyamai Surah al-Baqarah. Kami juga pernah membaca ayat rejam dalam surah ini”, iaitu ayat

(الشَّيْخُ وَالشَّيْخَةُ إِذَا زَنِيَا فَارْجُمُوهُمَا الْبَتَّةَ نَكَالًا مِنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَزِيزٌ حَكِيمٌ)

Selain sanad di atas, Ibn Kathīr juga telah menukilkan sanad lain bagi hadis ini yang juga bersumber daripada ‘Āṣim. Ia telah diriwayatkan oleh al-Nasā’i dengan sanad yang *ḥasan*³ malah ‘Umar r.a. juga telah menukilkan maksud hadis yang sama⁴. Sementara itu, dalam hadis lain Ubay bin Ka‘ab r.a.⁵ berkata,

Maksudnya : Demi Allah yang Ubay bin Ka‘ab bersumpah denganNya, suatu ketika dahulu surah ini sama panjangnya dengan Surah al-Baqarah atau lebih panjang. Kami telah membaca ayat rejam di dalamnya (bagi penzina *muḥṣan*)”.

Penerangan Ubay r.a. di atas bermaksud ayat rejam tersebut adalah sebahagian daripada Surah al-Aḥzāb yang telah dinasakhkan⁶. Namun menurut ulama’, ayat rejam yang dinasakhkan itu hanyalah bersifat nasakh ayat sahaja tanpa menasakhkan hukumnya kerana terdapat dalil sahih daripada ‘Umar r.a. mengenainya⁷. Demikian juga yang dinyatakan oleh Abū Bakr al-Anbārī yang mencatatkan bahawa ulama’ berpendapat sebahagian ayat Surah al-Aḥzāb ini telah diangkat oleh Allah s.w.t.⁸. Walau bagaimanapun, terdapat juga hadis lain yang agak umum seperti hadis riwayat ‘Urwah tetapi hadis tersebut dianggap daif

³ Lihat dalam Ibn Kathīr (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 437

⁴ Lihat dalam ‘Alā’ al-Dīn ‘Alī al-Muttaqī ibn Ḥisām al-Dīn al-Hindī, selepas ini disebut al-Muttaqī al-Hindī (m. 975H) (1413H), *Kanz al-‘Ummāl Fī Sunan al-Aqwāl Wa al-Af‘āl*, juz. 2, Beirut : Mu’assasat al-Risālah, hadis no. 4550, h. 480

⁵ Lihat al-Qurṭubī (1419H), *op. cit.*, juz. 14, h. 106 ; lihat juga al-Ṣāwī (1414H), *op. cit.*, j. 3, h. 328 ; al-Nasafi (1408H), *op. cit.*, j. 3, h. 1357

⁶ *Ibid* ; al-Zamakhsharī (t.t A), *op. cit.*, juz. 3, h. 225 ; al-Qurṭubī (1419H), *op. cit.*, h. 106 ; al-Ṣāwī (1414H), *op. cit.*, j. 3, h. 328 ; lihat juga al-Jamal (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 421

⁷ Wahbah al-Zuhaylī (Dr) (1416H), *Uṣūl al-Fiqh al-Islāmī*, j. 2, Beirut : Dār al-Fikr, h. 980 ; lihat juga ‘Abd al-Fattāh Ahmad Qutb al-Dukhmaysī, selepas ini disebut al-Dukhmaysī (Dr.) (1417H), *al-Taḥqīq al-Ma‘mūl Li Minhāj al-Uṣūl ‘Alā al-Minhāj Li al-Qāḍī al-Bayḍāwī*, Tanẓīh : t.p., h. 358

⁸ Al-Qurṭubī (1419H), *op. cit.*, juz. 14, h. 106 ; lihat juga al-Jamal (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 421

kerana antara perawinya adalah Ibn Lahī⁹ah yang dianggap lemah⁹. Dalam hadis tersebut, ⁹Ā'ishah r.a. telah berkata,

Maksudnya : Surah al-Aḥzāb ini mempunyai lebih kurang 200 ayat di zaman Rasulullah s.a.w. namun apabila al-Quran dibukukan, ayat-ayat yang didapati di dalam surah ini hanyalah seperti apa yang ada sekarang.

Berdasarkan hadis-hadis di atas, jelaslah bahawa Surah al-Aḥzāb ini pada asalnya adalah surah yang panjang iaitu menyamai atau lebih panjang daripada Surah al-Baqarah tetapi kemudiannya sebahagian ayatnya telah dinasakhkan. Namun, memandangkan ayat-ayat yang dinasakhkan itu agak besar jumlahnya, ia telah membuka ruang kepada musuh-musuh Islam untuk menimbulkan keraguan terhadap keaslian al-Quran khususnya yang berkaitan dengan surah ini.

Golongan *al-Mulāḥidah* dan *al-Rāfiḍah*¹⁰ telah mereka-reka cerita kononnya surah ini pada asalnya panjang sebagaimana yang terdapat pada lembaran-lembaran di rumah ⁹Ā'ishah r.a. Namun sebahagian lembaran tersebut telah dimakan oleh anai-anai sehingga ayat-ayat yang tinggal hanyalah sekadar apa yang tercatat di dalam al-Quran sekarang¹¹.

⁹ Al-Qurtubī (1419H), *op. cit.*, juz. 14, h. 106

¹⁰ *Al-Rāfiḍah* merupakan salah satu kumpulan Syiah. Imam al-Ash⁹arī telah membahagikan Syiah kepada tiga kumpulan utama iaitu *al-Ghāliyah* (melampau), *al-Rāfiḍah* dan *al-Zaydiyyah*. Kumpulan ini dinamakan *al-Rāfiḍah* kerana penolakan mereka terhadap perlantikan Abū Bakr dan ⁹Umar r.a. sebagai khalifah. Mereka sepakat mengatakan bahawa Nabi s.a.w. telah mewasiatkan secara jelas dengan menyebut nama ⁹Alī ibn Abū Ṭālib r.a. dan mengumumkannya sebagai imam selepas baginda s.a.w. Mereka menuduh kebanyakan para sahabat r.a. telah sesat kerana tidak mentaati perintah itu selepas kewafatan Nabi s.a.w. dan mengatakan kekhalfahan mestilah dengan nas dan *tawqīf* : lihat Abū al-Ḥasan ⁹Alī ibn Ismā'īl al-Ash⁹arī, selepas ini disebut al-Ash⁹arī (m.324H) (1400H), Hellmut Ritter (edit), *Kitāb Maqālāt Islāmiyyīn Wa Ikhtilāf al-Muṣallīn*, juz. 1, c. 3, Jerman : Jam'iyyah al-Mushtashiqīn, h. 5, 16 & 17

¹¹ Al-Qurtubī (1419H), *op. cit.*, juz. 14, h. 106 ; al-Zamakhsharī (t.t A), *op. cit.*, juz. 3, h. 225 ; al-Nasafī (1408H), *op. cit.*, j. 3, h. 1358 ; al-Ṣāwī (1414H), *op. cit.*, j. 3, h. 328 ; lihat juga al-Jamal (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 421

Meneliti cerita golongan ini, jika dilihat sanad hadis-hadis di atas, ianya telah diriwayatkan sama ada dengan sanad yang *hasan* atau daif. Hadis yang sanadnya *hasan* merakamkan ayat rejam pernah dicatatkan dalam surah ini sedangkan terdapat dalil yang sahih menunjukkan ia dinasakhkan hanya pada ayat tetapi tidak pada hukumnya¹². Keadaan ini membuktikan bahawa ayat-ayat yang hilang tersebut telah dinasakhkan dan bukannya hilang disebabkan kelalaian para sahabat. Apatah lagi proses pembukuan al-Quran menyaksikan ramai para penghafaz al-Quran telah dipanggil untuk memastikan ketepatan ayat-ayat yang ditulis melalui hafazan mereka selain berpandukan catatan yang sedia ada ketika itu. Berdasarkan keadaan inilah, kebanyakan ahli tafsir¹³ berpendapat Surah al-Aḥzāb yang pada asalnya panjang ini telah dinasakhkan sebahagiannya.

1.0 Nama Surah

Surah ini dinamakan al-Aḥzāb kerana Allah s.w.t. telah menceritakan peristiwa peperangan al-Aḥzāb di dalamnya. Dalam peperangan tersebut, Nabi s.a.w. bersama kaum muslimin telah menentang tentera musyrikin Quraysh dan Ghaṭfān yang telah bergabung dengan kaum munafik dan Yahudi Bani Qurayzah. Gabungan golongan kafir inilah yang membentuk sebuah pasukan besar yang digelar *al-Aḥzāb* khusus untuk memerangi Nabi s.a.w.¹⁴.

¹² Wahbah al-Zuhaylī (1416 H), *op. cit.*, j. 2, h. 9

¹³ Al-Qurtubī (1419H), *op. cit.*, juz. 14, h. 106 ; Beliau juga menukulkan pendapat tersebut daripada Abū Bakr al-Anbārī ; Ibn Kathīr (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 437 ; al-Nasafī (1408H), *op. cit.*, j. 3, h. 1357 ; al-Jamal (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 421 ; al-Šāwī (1414H), *op. cit.*, j. 3, h. 328

¹⁴ *Ibid* ; Wahbah al-Zuhaylī (Dr)(1411H), *al-Tafsīr al-Munīr Fī al-ʿAqīdah Wa al-Manhaj Wa al-Sharīʿah*, juz. 21, Beirut : Dār al-Fikr, h. 225 ; Muḥammad ʿAlī al-Šabūnī, selepas ini disebut al-Šabūnī (t.t), *Šafwat al-Tafsīr*, j. 2, c. 9, Miṣr: Dār al-Šabūnī, h. 510 ; al-Sayyid Muḥammad Taqī al-Maddarsī, selepas ini disebut al-Maddarsī (1407H), *Min Hadyi al-Qurʿān*, juz. 10, Beirut : Dār al-Bayān al-ʿArabi, h. 247

Selain itu, surah ini juga dinamakan *al-Fāḍiḥah*¹⁵ kerana ia mendedahkan kejahatan kaum munafik dan mengaibkan mereka¹⁶. Ini kerana Allah s.w.t. telah menceritakan rancangan jahat mereka menyakiti Nabi s.a.w. dan orang mukmin. Selain itu, ia juga bertujuan memalukan golongan Yahudi Bani Qurayzah yang mendiami Madinah kerana perbuatan belot mereka yang sanggup mencabuli perjanjian yang telah mereka meterai sendiri dalam Piagam Madinah¹⁷.

1.1 Hubungan Surah Al-Aḥzāb Dengan Surah Sebelumnya

Surah al-Aḥzāb disusun selepas Surah al-Sajdah di dalam tertib susunan *Muṣḥaf 'Uthmānī*. Di dalam Surah al-Sajdah, Allah s.w.t. telah menceritakan keadaan orang kafir yang tidak yakin dengan hari akhirat dan sikap mereka yang sering mempersendakan Nabi s.a.w. dan kedatangan hari akhirat. Hinaan tersebut menyebabkan Allah s.w.t. mengakhiri Surah al-Sajdah ini dengan menyuruh baginda tidak mempedulikan mereka dan sabar menanti siksaan terhadap mereka di akhirat.

Bagi memastikan kesinambungan mesej tersebut, Allah s.w.t. telah memulakan Surah al-Aḥzāb ini dengan menekankan lagi perintah bersabar malah menyeru Nabi s.a.w. supaya bertaqwa kepadaNya dan tidak terpedaya dengan tipu helah mereka. Nabi s.a.w. juga diperintahkan agar tabah melaksanakan apa yang telah diwahyukan dan sentiasa bertawakal kepadaNya. Persamaan mesej di

¹⁵ *Al-fāḍiḥah* berasal daripada perkataan *faḍāḥa* seperti kata '*faḍāḥahu*' yang bererti membuka aib atau kejahatannya manakala maksud perkataan *al-fāḍiḥah* ialah pembuka aib kerana ia adalah *ism fā'il*; lihat Ibrāhīm Anīs *et al.* (t.t), *al-Mu'jam al-Wasīf*, juz. 2, c. 2, t.tp. : t.p., h. 692 ; Aḥmad al-ʿĀyid (Prof.) *et al.* (t.t), *al-Mu'jam al-ʿArābī al-Asāsī*, t.tp. : al-Munazzamah al-ʿArabīyah Li al-Tarbiyyah Wa al-Thaqāfah Wa al-ʿUlūm, h. 938

¹⁶ Wabḥah al-Zuhaylī (1411H), *op. cit.*, juz. 21, h. 225

¹⁷ *Ibid* ; lihat juga al-Ṣābūnī (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 510

antara penghujung Surah al-Sajdah dan awal Surah al-Aḥzāb ini benar-benar melambangkan keakraban kedua-dua surah ini¹⁸.

Berhubung jalinan ini juga, al-Suyūṭī mencatatkan bahawa kedua-dua surah ini mempunyai hubungan yang sangat erat sehinggakan ia seolah-olah satu surah. Ini kerana awalan Surah al-Aḥzāb dilihat menyempurna dan menegaskan lagi suruhan di dalam penghujung Surah al-Sajdah sebelumnya¹⁹.

1.2 Intisari Surah

Surah ini merakamkan pelbagai perkara penting yang boleh dibahagikan kepada tiga kategori iaitu :

- 1) Panduan serta adab-adab Islam.
- 2) Hukum-hukum syariat Allah s.w.t.
- 3) Peristiwa peperangan al-Aḥzāb dan munafik Bani Qurayzah.

Kategori pertama mencatatkan panduan pembentukan, pembinaan, pendisiplinan dan penyusunan yang rapi terhadap sistem kekeluargaan dan sosial. Antara adab-adab yang termaktub di dalamnya ialah adab keluar rumah, adab berinteraksi dengan lelaki *ajnabi*, *walimah*, cara hidup berumahtangga, adab komunikasi dengan Rasulullah s.a.w., suruhan berselawat kepada baginda s.a.w., bercakap benar dan sebagainya.

¹⁸ Wahbah al-Zuhaylī (1411H), *op. cit.*, juz. 21, h. 225

¹⁹ ‘Abd al-Rahmān ibn Kamāl al-Dīn Abū Bakr al-Suyūṭī, selepas ini disebut al-Suyūṭī (t.t A), ‘Abd al-Qādir Aḥmad ‘Aṭā’ (edit), *Asrār Tartīb al-Qur’ān*, t.tp. : Dār al-‘Itisām, h. 126

Kategori kedua pula iaitu yang berhubungan dengan hukum syariat Allah s.w.t. telah merakamkan hukum *zihār*, anak angkat, berkahwin dengan bekas isteri anak angkat sendiri dan sebagainya. Hukum-hukum tersebut sebahagiannya telah ditegaskan lagi dengan praktik Nabi s.a.w. bertujuan memansuhkan adat dan kepercayaan Arab jahiliyah. Selain itu, hukum haram menyakiti Nabi s.a.w., kewajipan hijab bagi isteri Nabi s.a.w., kewajipan bertaqwa, menutup aurat dan sebagainya turut dirakam dalam surah ini.

Manakala dalam kategori ketiga pula, Allah s.w.t. telah menceritakan tentang peristiwa dua peperangan iaitu al-Aḥzāb dan munafikin Banī Qurayzah. Allah s.w.t. juga telah memberi peringatan kepada kaum muslimin supaya sentiasa berwaspada terhadap tipu daya mereka terutama di awal dan akhir surah ini²⁰.

1.3 Tafsiran Umum Ayat 32 dan 33 Surah Al-Aḥzāb

يٰۤاَيُّهَا النَّبِيُّ لَسْنَا مِنْ اَلنِّسَاءِ اِنْ اَتَقَيْنَ فَلَا تَخْضَعْنَ بِالْقَوْلِ فَيَطْمَعَ
 الَّذِي فِي قَلْبِهِ مَرَضٌ وَّ قُلْنَ قَوْلًا مَّعْرُوفًا (۳۲) وَّ قَرْنَ فِي بُيُوتِكُنَّ وَّ لَا تَخْرُجْنَ
 تَرَجَّ الْجَهْلِيَّةِ الْاُولٰٓئِ وَ اَقِمْنَ الصَّلٰوةَ وَاَتَيْنَ الزَّكٰوةَ وَاَطِعْنَ اللّٰهَ وَّرَسُوْلَهٗ اِنَّمَا
 يُرِيْدُ اللّٰهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ اَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِرًا (۳۳)

Maksudnya : Wahai isteri-isteri Nabi, kamu semua bukanlah seperti mana-mana perempuan yang lain kalau kamu tetap bertaqwa. Oleh itu janganlah kamu berkata-kata dengan lembut manja (semasa bercakap dengan lelaki asing) kerana yang demikian boleh menimbulkan keinginan orang yang ada penyakit dalam hatinya (menaruh tujuan buruk kepadamu), dan sebaliknya berkatalah dengan kata-kata yang baik (sesuai dan sopan) (32). Dan hendaklah kamu tetap diam di rumahmu serta janganlah kamu mendedahkan diri seperti yang dilakukan oleh

²⁰ Al-Ṣābūnī (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 509, Wahbah al-Zuhaylī (1411H), *op. cit.*, juz. 21, h. 226 ; al-Maddarsī (1407H), *op. cit.*, juz. 10, h. 247-249

orang-orang jahiliah zaman dahulu ; dan dirikanlah sembahyang serta berilah zakat ; dan taatlah kamu kepada Allah dan RasulNya. Sesungguhnya Allah (perintahkan kamu dengan semuanya itu) hanyalah kerana hendak menghapuskan perkara-perkara yang mencemarkan dari kamu – wahai “*Ahl al-Bayt*”, dan hendak membersihkan kamu sebersih-bersihnya (dari segala perkara keji) (32)²¹.

Surah al-Aḥzāb (33) : 32 & 33

Secara umumnya, ayat 32 dan 33 surah ini menceritakan bagaimana Allah s.w.t. mengajar tentang adab, budi pekerti mulia serta tatasusila yang perlu diikuti oleh para isteri Nabi s.a.w. khususnya dan muslimah amnya dalam menjalani kehidupan duniawi.

Bermula dengan panggilan yang mesra dan mulia daripada Allah s.w.t. iaitu ‘wahai isteri-isteri Nabi’, Allah s.w.t. kemudiannya telah menjelaskan adab-adab yang perlu dilaksanakan oleh mereka. Panggilan terhormat tersebut iaitu dengan merangkaikan panggilan ‘isteri-isteri’ dengan ‘Nabi’ cukup untuk menggambarkan kedudukan mereka amat tinggi dan menunjukkan rasa kasih sayang Allah s.w.t. terhadap mereka²². Ini adalah suatu bentuk dakwah yang berkesan untuk menggambarkan bahawa apa yang bakal diperintahkan oleh Allah s.w.t. amat bersesuaian dengan ketinggian darjat mereka. Selain itu, panggilan sedemikian juga akan menerbitkan kegembiraan dan keazaman dalam diri mereka untuk beriltizam dengan perintah yang bakal dikemukakan²³.

Seterusnya Allah s.w.t. telah mewartakan beberapa peraturan kepada mereka dan sekali lagi memulakannya dengan penghormatan kedua.

²¹ Terjemahan adalah daripada Tafsir Pimpinan al-Rahman, lihat Sheikh Abdullah Basmeih (1400H), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, Kuala Lumpur : Bahagian Ugama Jab. Perdana Menteri, h. 1107-1108

²² Abd al-Karim al-Khaṭīb (t.t), *al-Tafsir al-Qur'ānī Li al-Qur'ān*, j. 4, juz. 22, Beirut : Dār al-Fikr al-‘Arabi, h. 705-706

²³ Lihat Muhammad al-Tāhir ibn ‘Āshūr, selepas ini disebut Ibn ‘Āshūr (t.t), *Tafsir al-Taḥrīr Wa al-Tanwīr*, juz. 22, Tunis : al-Dār al-Tūnisīyah Li al-Nashr, h. 318

Penghormatan tersebut ialah pengiktirafan dan pengakuan Allah s.w.t. bahawa mereka itu tidaklah sama dengan mana-mana perempuan di alam maya ini dari segi kelebihan, kemuliaan dan ketinggian darjat. Pun begitu, kemuliaan tersebut tertakluk kepada satu syarat iaitu jika mereka bertaqwa. Dengan kata lain, mereka hanya akan memperolehi kemuliaan kedua jika mereka menunaikan syarat tersebut iaitu bertaqwa²⁴.

Perintah pertama yang diwahyukan oleh Allah s.w.t. ialah suruhan agar mereka tidak melunakkan suara atau berbicara dengan nada manja dengan lelaki *ajnabi* sebaliknya mereka hendaklah berbicara dengan cara, gaya serta isi kandungan percakapan yang baik dan mulia. Ini bertujuan menghalang lelaki-lelaki yang berpenyakit hatinya terdorong untuk melakukan perkara tidak baik, fasiq, keji atau lucu kepada mereka.

Sebelum ayat ini diturunkan, terdapat isteri-isteri Nabi s.a.w. yang memasukkan jari mereka ke dalam mulut untuk mengeluarkan bunyi yang kuat dan keras, yang dilakukan untuk menyahut panggilan. Cara sebegini memang merupakan kebiasaan kaum Arab dan mereka pula hanya melakukannya ketika ketiadaan kaum lelaki. Dengan turunnya ayat ini, ia membawa maksud bahawa

²⁴ Al-Qurtubī (1419H), *op. cit.* j. 7, juz. 14, h. 161 ; °Abd al-Rahmān ibn °Alī ibn al-Jawzī, selepas ini disebut Ibn al-Jawzī (m. 597H) (1404H), *Zād al-Maysir Fī °Ilm al-Tafsīr*, juz. 6, Beirut : al-Maktab al-Islāmī, h. 378 ; al-Nasafī (1408H), *op. cit.*, j. 3, h. 1371 ; Ibn Kathīr (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 453 ; °Abd al-Rahmān ibn Muḥammad al-Tha°alībī, selepas ini disebut al-Tha°alībī (m. 875H) (1418H), *Tafsīr al-Tha°alībī*, juz. 4, Beirut : Dār Iḥyā' al-Turāth al-°Arabī, h. 345 ; al-Sayyid Muḥammad Husayn al-Ṭabāṭabā°ī, selepas ini disebut al-Ṭabāṭabā°ī (1393H), *al-Mizān Fī Tafsīr al-Qur'ān*, j. 16, t.tp : Mu°assasat Maṭbū°ati Ismā°iliyān, h. 309 ; Muḥammad ibn Aḥmad al-Khaṭīb al-Sharbīnī, selepas ini disebut al-Sharbīnī (m. 977H) (t.t), *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm*, juz. 3, c. 2, Beirut : Dār al-Ma°rifah, h. 243 ; Muḥammad al-Sabazwāri, selepas ini disebut al-Sabazwāri (1406H), *al-Jadīd Fī Tafsīr al-Qur'ān al-Majīd*, juz. 5, Beirut : Dār al-Ta°arūf, h. 435 ; al-Ṣābūnī (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 523 ; Ismā°il Ḥaqqī al-Barwaswī, selepas ini disebut al-Barwaswī (m. 1137H) (t.t), *Tafsīr Rāḥ al-Bayān*, j. 7, juz. 22, t.tp : al-Maktabah al-Islāmiyyah, h. 169 ; Wahbah al-Zuhaylī (1411H), *op. cit.*, juz. 22, h. 8-9 ; °Abd al-Ḥamīd Maḥmūd Ṭahmāz (1414H), *Min Mawḍū°āt Suwar al-Qur'ān al-Karīm* (33), c. 2, Dimashq : Dār al-Qalam, h. 97 ; Muḥammad al-Sayyid Ṭantāwī (1405H), *al-Tafsīr al-Wasīṭ Li al-Qur'ān al-Karīm*, juz. 21, t.tp : Maṭba°ah al-Sa°ādah, h. 60

Allah s.w.t. melarang mereka melakukan sebarang perbuatan dan tingkah laku yang kurang manis memandangkan mereka mempunyai kedudukan yang tinggi²⁵.

Di dalam ayat 33 pula, Allah s.w.t. menyeru para isteri Nabi s.a.w. supaya sentiasa berada di rumah dan tidak keluar kecuali jika ada keperluan²⁶. Ia bertujuan agar mereka tidak keluar tanpa urusan yang penting seperti berjalan-jalan tanpa keperluan. Ini kerana perbuatan tersebut akan mendedahkan mereka kepada perkara-perkara yang tidak baik walhal ianya dapat dielakkan.

Seterusnya Allah s.w.t. menjelaskan pula peraturan bagi mereka yang keluar dari rumah iaitu mereka dilarang *bettabarruj* yang bermaksud berhias dengan mendedahkan aurat. Perintah ini dikemukakan dengan menggunakan kalimah *tabarruj al-jāhiliyyah* sebagai contoh terhadap *tabarruj* yang dilarang. Penggunaan kalimah *al-jāhiliyyah* ini memberi hikmah yang besar untuk menimbulkan gambaran *tabarruj* yang terlarang di fikiran seterusnya membangkitkan rasa benci terhadap perbuatan *tabarruj* di zaman gelap itu.

Setelah Allah s.w.t. menjelaskan peraturan dan adab-adab tersebut, Allah s.w.t. mengulangi semula beberapa kewajipan yang telah difardukan sebelumnya. Mereka diperingatkan agar konsisten mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat serta sentiasa taat kepada Allah dan RasulNya dalam setiap suruhan sama ada ianya berupa perintah yang baru diturunkan ataupun perintah yang terdahulu.

²⁵ Lihat al-Sabazwārī (1406H), *op. cit.*, juz. 5, h. 435

²⁶ *Ibid*; Wahbah al-Zuhaylī (1411H), *op. cit.*, juz. 22, h. 10; lihat juga °Abd al-Ḥamīd Ṭahmāz (1414H), *op. cit.*, h. 101; Muḥammad al-Sayyid Ṭanṭāwī (1405H), *op. cit.*, juz. 21, h. 61

Seterusnya, Allah s.w.t. menjelaskan tentang tujuan perintah-perintah itu diturunkan iaitu untuk menghapuskan dosa serta menyucikan mereka dari segala maksiat sesuci-sucinya²⁷. Allah telah mengakhiri ayat ini dengan panggilan mulia 'ahl bayt' yang bermaksud ahli keluarga Nabi²⁸ sekaligus menggambarkan kasih sayangNya terhadap mereka sekeluarga. Ini tentunya dapat menggembirakan dan menguatkan azam mereka untuk melaksanakan segala perintah tersebut.

1.4 *Asbāb Al-Nuzūl* Ayat

Tiada sebab khusus yang diriwayatkan di dalam karya-karya ahli tafsir berhubung penurunan kedua-dua ayat ini. Ia hanyalah sebagai panduan akhlak mulia yang diturunkan oleh Allah s.w.t. kepada isteri-isteri Nabi s.a.w. khususnya dan muslimah selepas mereka amnya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peristiwa berhubung penurunan frasa terakhir ayat 33 surah ini iaitu :

إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ لِيُذْهِبَ عَنْكُمُ الرِّجْسَ أَهْلَ الْبَيْتِ وَيُطَهِّرَكُمْ تَطْهِيرًا

Antara peristiwa tersebut ialah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Umm Sulaym r.a. yang bermaksud,

'Suatu hari Fāṭimah r.a. datang ke rumah Rasulullah s.a.w. dengan membawa sedikit makanan. Baginda kemudiannya telah meminta Fāṭimah memanggilkan °Alī, Ḥasan dan Ḥusayn r.a. ke rumah baginda. Apabila mereka tiba dan kesemuanya duduk menikmati hidangan bersama, Rasulullah s.a.w. pun bersabda, "Ketika aku sedang bersembahyang di bilikku, Allah s.w.t. telah menurunkan ayat ini 'إِنَّمَا يُرِيدُ اللَّهُ...'. Kemudian Rasulullah s.a.w. mengambil sehelai selendang *khaybarī* dan menyelubungi mereka kesemuanya seraya berdoa, "Ya Allah, mereka ini

²⁷ Al-Jamal (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 436 ; Ibn °Ashūr (t.t), *op. cit.*, juz. 22, h. 14 ; Wahbah al-Zuhaylī (1411H), *op. cit.*, juz. 22, h. 11

²⁸ °Abd al-Karīm al-Khaṭīb (t.t), *op. cit.*, j. 4, juz. 22, h. 707

adalah ahli keluargaku (*ahl baytī*) dan hampir denganku, oleh itu hindarilah mereka dari dosa dan kesalahan²⁹.

Peristiwa di atas bukanlah *asbāb al-nuzūl* kerana Rasulullah s.a.w. telah menerima wahyu tersebut sebelum kedatangan Fāṭimah r.a. Oleh itu, kebanyakan ahli tafsir tidak mengkategorikan peristiwa ini sebagai *asbāb al-nuzūl* tetapi mengulasnya dalam perbincangan kepada siapakah ayat ini diturunkan terutama untuk menentukan individu yang tergolong sebagai *ahl bayt*³⁰.

1.5 Hubungan Dengan Ayat Sebelumnya

Ayat sebelumnya ialah ayat 30 dan 31 yang berbunyi,

يٰۤاَيُّهَا النَّبِيُّ مَنْ يٰۤاتِ مِنْكَ بِفَحِشَةٍ مُّبِيْنَةٍ يُضَعَفْ لَهَا الْعَذَابُ ضِعْفَيْنِ وَ كٰنَ
ذٰلِكَ عَلٰى اِلٰهِ يَسِيْرًا (۳۰) وَ مَنْ يَّقِنْتْ مِنْكَ لِلّٰهِ وَ رَسُوْلِهِ
وَ تَعْمَلْ صٰلِحًا نَّوْهَا اٰجْرَهَا مَرْتَيْنِ وَ اَعْتَدْنَا لَهَا رِزْقًا كَرِيْمًا (۳۱)

Maksudnya : Wahai isteri-isteri Nabi, sesiapa di antara kamu melakukan perbuatan keji yang nyata, nescaya azab siksanya akan digandakan dua kali. Dan (hukuman) yang demikian adalah mudah bagi Allah melaksanakannya (30). Dan sesiapa di antara kamu yang tetap taat kepada Allah dan RasulNya serta mengerjakan amal salih, Kami akan mengurniakan kepadanya dua kali ganda pahala amalnya itu dan Kami sediakan baginya rezeki yang mulia (31).

Surah al-Aḥzāb (33) : 30 & 31

²⁹ Abū al-Ḥasan °Alī ibn Aḥmad al-Wāḥidī, selepas ini disebut al-Wāḥidī (m. 468H) (1414H), Dr. al-Sayyid al-Jamīlī (edit), *Asbāb al-Nuzūl*, c. 6, Beirut : Dār al-Kitāb al-°Arabī, h. 295 ; Ibn Kathīr (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 454 ; lihat juga Muḥammad ibn °Abd Allāh ibn al-°Arabī, selepas ini disebut Ibn al-°Arabī, (m. 543H) (t.t), *Aḥkām al-Qur’ān*, bghn. 3, Beirut : Dār al-Kutub al-°Ilmiyyah, h. 571 ; Abū al-Ṭayb Ṣiddīq ibn Ḥasan (m. 1307H) (1412H), *Faṭḥ al-Bayān Fī Maqāṣid al-Qur’ān*, juz. 11, Beirut : al-Maktabah al-°Aṣriyyah, h. 86 ; Wahbah al-Zuhaylī (1411H), *op. cit.*, juz. 22, h. 14 ; al-Qurtubī (1419H), *op. cit.*, juz. 14, h. 166

³⁰ *Ibid* ; Ibn al-°Arabī (t.t), *op. cit.*, bghn. 3, h. 571 ; Wahbah al-Zuhaylī (1411H), *op. cit.*, juz. 22, h. 14 ; Ibn °Ashūr (t.t), *op. cit.*, juz. 22, h. 15 ; Abū al-Ṭayb Ṣiddīq (1412H), *op. cit.*, juz. 11, h. 86

Pada ayat 30, Allah s.w.t. telah mengingatkan para isteri Nabi s.a.w. agar tidak sekali-kali melakukan perbuatan '*fāḥishah mubayyinah*' iaitu perbuatan maksiat yang besar lagi nyata kekejiannya seperti menderhaka atau ingkar perintah suami, menyusahkan suami, amat mementingkan dunia, melakukan dosa besar, berakhlak buruk dan sebagainya³¹. Allah s.w.t. juga turut mengancam untuk menggandakan azab bagi mereka yang melakukan perbuatan tersebut.

Perbezaan balasan ini adalah disebabkan kemuliaan dan ketinggian darjat mereka berbanding muslimah lain. Ini kerana perbuatan maksiat yang dilakukan oleh orang yang berkedudukan dianggap lebih hina berbanding jika ia dilakukan oleh orang biasa. Oleh itu, Allah s.w.t. akan mengenakan hukuman dua kali ganda kepada mereka berbanding hukuman terhadap orang biasa³². Keadaan ini samalah seperti perbezaan hukuman had di antara orang merdeka dengan hamba atau di antara penzina *muḥṣan* dengan *ghayr muḥṣan* iaitu pertambahan kemuliaan akan mengakibatkan pertambahan hukuman³³.

Ada juga pendapat yang mengatakan gandaan dosa tersebut disebabkan para isteri Nabi s.a.w. berada di tempat turunnya wahyu. Justeru sudah sewajarnya segala perintah yang diturunkan itu adalah tegas perlaksanaannya terhadap mereka dan kewajipan mereka beriltizam dengannya juga adalah lebih kuat berbanding orang lain³⁴. Selain itu, ada juga pendapat yang mengatakan gandaan azab tersebut

³¹ Al-Sharbinī (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 241 ; al-Nasafī (1408H), *op. cit.*, j. 3, h. 1370 ; Ibn Kathīr (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 452 ; al-Sāwī (1414H), *op. cit.*, j. 3, h. 340 ; al-Sabazwārī (1406H), *op. cit.*, juz. 5, h. 433 ; Abū al-Ṭayb Ṣiddīq (1412H), *op. cit.*, juz. 11, h. 78 ; al-Ṣābūnī (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 523 ; Wahbah al-Zuhaylī (1411H), *op. cit.*, juz. 21, h. 293 ; lihat juga Muḥammad ibn ʿUmar al-Rāzī, selepas ini disebut al-Rāzī (m. 606H) (1412H), *al-Tafsīr al-Kabīr*, j. 12, juz. 24, Kaheerah : Dār al-Fadd al-ʿArabī, h. 509

³² Al-Sharbinī (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 241 ; al-Nasafī (1408H), *op. cit.*, j. 3, h. 1370 ; Abū al-Ṭayb (1412H), *op. cit.*, juz. 11, h. 78 ; Wahbah al-Zuhaylī (1411H), *op. cit.*, juz. 21, h. 296 ; al-Qurtubī (1419H), *op. cit.*, juz. 14, h. 159

³³ *Ibid* ; lihat al-Sharbinī (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 242 ; Ibn Kathīr (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 452

³⁴ Al-Qurtubī (1419H), *op. cit.*, juz. 14, h. 159

adalah disebabkan besarnya mudarat yang akan timbul jika mereka melakukan perbuatan dosa kerana ia akan menyakiti hati Rasulullah s.a.w.³⁵.

Manakala ayat 31 menyaksikan Allah s.w.t. mengemukakan pula ayat yang seolah-olah membalas kenyataan sebelumnya iaitu gandaan pahala bagi mereka yang melakukan amal salih dan taat kepada Allah dan RasulNya malah menjanjikan syurga buat mereka³⁶. Dengan kata lain, kedua-dua ayat tersebut berunsur *tarhīb* iaitu ancaman agar mereka menjauhi segala bentuk kemungkaran dan *targhīb* iaitu galakan agar mereka sentiasa bersemangat dan berlumba-lumba mengerjakan amal salih.

Selanjutnya, dalam ayat 32 dan 33 pula, Allah s.w.t. memerintahkan mereka agar tidak memanjakan suara ketika berbicara dengan lelaki *ajnabī* selain memerintahkan mereka sentiasa berada di rumah dan tidak *bertabarruj* apabila keluar. Perintah ini merupakan kesinambungan daripada ayat sebelumnya yang melarang para isteri Nabi s.a.w. melakukan *fāḥishah mubayyinah* kerana perbualan yang lemah lembut, keluar rumah tanpa keperluan dan *bertabarruj* memungkinkan berlakunya perkara-perkara tidak baik. Ini adalah supaya mereka terhindar daripada angkara jahat orang-orang yang berpenyakit hatinya serta dapat memelihara maruah dan kemuliaan diri mereka.

³⁵ *Ibid*

³⁶ *Ibid*, h. 161 ; Ibn Kathīr (t.t), *op. cit.*, juz. 3, h. 452 ; al-Ṣābūnī (t.t), *op. cit.*, j. 2, h. 523 ; Wahbah al-Zuhaylī (1411H), *op. cit.*, juz. 22, h. 8

1.6 Beberapa Petunjuk Dalam Ayat

Ayat 32 dan 33 Surah al-Aḥzāb ini mengandungi pelbagai petunjuk yang bertujuan mendisiplinkan peribadi muslimah dan membentuk personalitinya. Antara petunjuk tersebut ialah :

1. Kewajipan bertaqwa kepada Allah s.w.t.
2. Larangan melunakkan suara ketika berbicara dengan lelaki *ajnabi*
3. Sentiasa berada di rumah jika tiada keperluan untuk keluar
4. Larangan berhias (*tabarruj*) apabila keluar dari rumah
5. Menunaikan sembahyang
6. Mengeluarkan zakat
7. Taat kepada Allah s.w.t. dan RasulNya s.a.w.
8. *Ahl al-bayt* Rasulullah s.a.w. dan persoalan yang berkaitan dengannya

Walaupun pelbagai petunjuk telah dirakamkan dalam dua ayat ini, penulis hanya akan mengambil sebahagian petunjuk sahaja sebagai fokus perbincangan dalam kajian ini iaitu kewajipan bertaqwa, larangan melunakkan suara, suruhan agar sentiasa di rumah dan larangan bertabarruj. Dalam konteks ini, setiap petunjuk akan cuba dibahaskan dengan terperinci agar para muslimah mudah menghayatinya sebagai personaliti diri.

Kesimpulan

Secara umumnya, Surah al-Aḥzāb adalah surah yang panjang di awal penurunannya tetapi sebahagian ayatnya telah dinasakhkan kemudiannya. Surah ini mencatatkan pelbagai peraturan, adab dan hukum yang menyentuh kehidupan peribadi dan sosial umat untuk mengatur dan menyusun sistem hidup yang

sempurna, mulia dan penuh tanggungjawab. Selain itu, surah ini juga telah merakamkan gambaran terperinci mengenai peperangan al-Aḥzāb yang besar.

Surah al-Aḥzāb ini juga mempunyai hubungan yang amat rapat dengan surah sebelumnya iaitu Surah al-Sajdah sehingga kedua-duanya itu digambarkan seolah-olah satu surah. Manakala ayat 32 dan 33 surah ini yang menjadi subjek kajian telah dimulai dengan pujian terhadap isteri-isteri Nabi s.a.w. sebelum merakamkan beberapa perintah kepada mereka. Perintah-perintah berkenaan adalah kesinambungan daripada ayat 30 dan 31 yang menyeru mereka agar sentiasa taat dan menjauhi maksiat. Perintah tersebut ialah suruhan bertaqwa, larangan melunakkan suara, suruhan agar sentiasa berada di rumah, larangan bertabarruj, suruhan agar mendirikan sembahyang, mengeluarkan zakat serta mentaati Allah s.w.t. dan RasulNya. Manakala di penghujung ayat 33, Allah s.w.t. telah menjelaskan kesemua perbuatan yang diperintahkan tersebut bertujuan untuk menghapuskan dosa dan menyucikan mereka sesuci-sucinya.

Segala perintah dan peraturan yang terkandung di dalam kedua-dua ayat ini juga menghimpunkan pelbagai petunjuk penting yang perlu dihayati oleh muslimah sebagai personaliti mereka. Sebahagian peraturan tersebut iaitu suruhan agar bertaqwa kepada Allah s.w.t., larangan melunakkan suara, suruhan agar sentiasa berada di rumah dan larangan bertabarruj adalah sebahagian petunjuk yang akan dibincangkan secara terperinci dalam bab-bab selepas ini. Kefahaman yang mantap dalam kesemua masalah ini diharap dapat membantu para muslimah memperbaiki diri seterusnya membina personaliti diri yang unggul dan diredai Allah s.w.t.